

**12,267 BERLINDUNG DI PPS PAHANG, JOHOR, MELAKA DAN SABAH**

**Empat** negeri paling terkesan

Situasi banjir di seluruh negara semakin buruk apabila jumlah mangsa di empat negeri iaitu Pahang, Johor, Melaka dan Sabah yang dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS) tengah hari semalam terus meningkat.

Bagaimanapun banjir gelombang ketiga di Terengganu menunjukkan tanda pulih sepenuhnya tengah hari semalam manakala jumlah mangsa di Selangor dan Negeri Sembilan kekal tidak berubah.

Di **Pahang**, Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri melaporkan seramai 2,252 mangsa berada di 54 pusat pemindahan tengah hari semalam berbanding 2,188 orang di 51 PPS pagi semalam.

Lapan jalan masih ditutup antaranya Sungai Lembing di Kuantan, Jalan Kuala Lumpur-Kuantan (Maran), Jalan Kuantan-Segamat (Pekan), Jalan Ulu Dong (Raub) dan Jalan Kuala Lipis-Jerantut (Jerantut).

Setakat 11 pagi semalam, paras air di enam stesen berada pada tahap bahaya iaitu Sungai Pukin di Rompin, Paya Gintong (Jerantut), Jambatan Chegar Perah (Lipis), Sungai Serting di Jambatan Padang Gudang (Bera), Sungai Luit di Kampung Subuh (Maran) dan Sungai Pahang di Kuala Krau (Temerloh).

Di **Johor**, jumlah mangsa terus meningkat kepada 4,062 mangsa setakat 12 tengah hari semalam berbanding 3,841 orang pagi semalam dengan Batu Pahat menjadi daerah terbaharu terjejas banjir.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar



PEKERJA membersihkan kawasan kedai setelah banjir surut di Pekan Rompin, Jempol. - Gambar NSTP/AZRUL EDHAM MOHD AMINUDDIN



**Seramai 1,017 mangsa daripada 270 keluarga ditempatkan di 10 PPS di Alor Gajah, 1,402 mangsa daripada 357 keluarga ditempatkan di sembilan PPS di Melaka Tengah"**

**Martin Quadra**

Johor R Vidyantanthan berkata seramai 42 mangsa terjejas banjir di Batu Pahat dan kini ditempatkan di PPS Balai Raya Kampung Haji Kamisan.

"Selain itu, terdapat pertambahan mangsa di Tangkak, Kota Tinggi, Kluang dan Segamat, dengan jumlah kesemua PPS dibuka di tujuh daerah kini 64 yang menempatkan 1,064 keluarga.

"Segamat terus mencatatkan mangsa tertinggi iaitu 3,284 orang, Mersing (371 orang), Kota Tinggi (174 orang), Tangkak (123), Kluang (66), Batu Pahat (42) manakala Johor Bahru dua mangsa," kata beliau dalam satu kenyataan, semalam

Tinjauandi beberapa lokasi banjir di daerah Mersing dan Kluang mendapati air mulai surut dan ada penduduk sudah mula pulang ke kediaman masing-masing.

Di **Sabah** jumlah mangsa terus meningkat kepada 3,398 daripada 1,236 keluarga berbanding 2,435 daripada 874 keluarga pagi semalam.

Sekretariat Pengurusan Bencana Negeri Sabah memaklumkan sebanyak 27 PPS telah dibuka di enam daerah di negeri ini sejak Jumaat lepas.

Kota Marudu mencatatkan jumlah mangsa paling ramai berada di PPS iaitu seramai 2,749 orang daripada 1,051 keluarga ditempatkan di 13 PPS, diikuti Pitas seramai 234 mangsa daripada 94 keluarga di empat PPS dan Sandakan (192 mangsa, 41 keluarga) dua PPS.

Daerah lain termasuk Daerah Kecil Paitan (102 mangsa, 24 keluarga) di tiga PPS, Telupid 84 mangsa daripada 16 keluarga di tiga PPS dan Beluran 41 mangsa, 11 keluarga berada di dua PPS.

Di **Melaka** pula, jumlah mangsa meningkat kepada 2,555 mangsa daripada 659 keluarga pada tengah hari semalam berbanding 2,537 mangsa daripada 656 keluarga pada pukul 8 pagi semalam.

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam (APM) Melaka Lt Kol (PA) Cuthbert John Martin Quadra berkata kesemua mangsa yang terjejas adalah dari 14 kawasan di Alor Gajah, sembilan ka-

wasan di Melaka Tengah dan sembilan kawasan di Jasin.

"Seramai 1,017 mangsa daripada 270 keluarga ditempatkan di 10 PPS di Alor Gajah, 1,402 mangsa daripada 357 keluarga ditempatkan di sembilan PPS di Melaka Tengah serta 136 mangsa daripada 32 keluarga ditempatkan di tiga PPS di Jasin," katanya.

Di **Selangor** dan Negeri Sembilan pula, jumlah mangsa tidak berubah tengah semalam.

Sejumlah 22 PPS masih dibuka di Negeri Sembilan merekodkan sebanyak 2,040 individu daripada 558 keluarga setakat 12.50 tengah hari semalam.

Sementara di Selangor, mangsa banjir kekal 40 orang melibatkan dua PPS di daerah Kuala Langat iaitu Dewan Orang Ramai Kampung Kelanang (25 mangsa) dan Balai Raya Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Banting (15 mangsa).

Ketua Polis Daerah Kuala Langat Supt Ahmad Ridhwan Mohd Nor @ Saleh dalam kenyataan berkata hasil pemantauan yang dilakukan berkenaan situasi terkini banjir kilat di Kuala Langat mendapati hujan mulai reda dan air semakin surut.

Polis Daerah Kuala Langat telah mengaktifkan bilik gerakan banjir dan pusat kawalan tempat kejadian bagi menyelaraskan operasi menyelamatkan dan memberi bantuan kepada mangsa-mangsa banjir bersama agensi-agensinya berkaitan.

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia memaklumkan setakat 11 pagi tadi, aras air Sungai Langat di Bukit Changgang, Kuala Langat berada pada aras bahaya dengan tren menurun.